Bab 5 PEMBENTUKAN MALAYSIA

Arahan: *Tiap-tiap soalan yang berikut diikuti oleh empat jawapan pilihan iaitu* **A**, **B**, **C**, *dan* **D**. *Pilihlah satu jawapan yang paling sesuai.*

5.1 Konsep Gagasan Malaysia

(Buku Teks m.s. 90)

1 Apakah idea penggabungan berikut?

Penggabungan beberapa bekas tanah jajahan di Asia Tenggara.

A Persekutuan
B Malayan Union
C Indonesia Raya
D Gagasan Malaysia

(Buku Teks m.s. 90)

2 Idea berikut dicadangkan oleh golongan nasionalis sebelum Perang Dunia Kedua.

Melayu Raya

Apakah matlamat idea tersebut?
A Meluaskan pengaruh
B Menamatkan penjajahan
C Mengukuhkan keselamatan
D Mendapatkan kemerdekaan

(Buku Teks m.s. 90)

3 Mengapakah British mengemukakan idea penyatuan wilayah penguasaan British di Asia Tenggara?
A Memupuk perpaduan
B Melakukan imperialisme
C Memudahkan pentadbiran
D Melaksanakan pemodenan

(Buku Teks m.s. 90)

4 Negeri berikut telah dicadangkan untuk digabungkan dalam satu sistem Kerajaan Persekutuan.

- Sabah
- Brunei
- Sarawak
- Singapura
- Persekutuan Tanah Melayu

Siapakah tokoh tempatan yang mencadangkan penggabungan tersebut?
A Dato' Onn Jaafar
B Tun Abdul Razak
C Tunku Abdul Rahman
D Tun Dr. Mahathir Mohamad

(Buku Teks m.s. 90)

5.2 Perkembangan Idea dan Usaha Pembentukan Malaysia

(Buku Teks m.s. 91 – 93)

5 Apakah persamaan cadangan pegawai Barat berikut?

- Lord Brassey
- Sir Geofroy Tory
- Sir Gerald Templer
- Sir Malcolm MacDonald

A Pengenalan Melayu Raya
B Pelaksanaan pilihan raya
C Penubuhan Persekutuan
D Pembentukan Malaysia

(Buku Teks m.s. 91)

6 Maklumat berikut berkaitan dengan cadangan ke arah pembentukan Malaysia.

Cadangan menggabungkan Sarawak dan Sabah, negeri Melayu dan Negeri-negeri Selat pada tahun 1887.

Siapakah tokoh yang mencadangkan idea penggabungan tersebut?
A Lord Brassey
B David Marshall
C Sir Frank Swettenham
D Sir Malcolm MacDonald

(Buku Teks m.s. 91)

7 Mengapakah Lord Brassey mencadangkan pembentukan Malaysia?
I Meningkatkan potensi ekonomi
II Mengukuhkan perpaduan rakyat
III Memantapkan institusi kesultanan
IV Menjadi tanah jajahan yang besar
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

(Buku Teks m.s. 91)

LIVEWORKSHEETS

8 Konsep berikut berkaitan dengan faktor pembentukan Malaysia.

Dekolonisasi

Siapakah tokoh yang menggunakan konsep tersebut?

A Lord Brassey
B Sir Geofroy Troy
C Sir Gerald Templer
D Sir Malcom MacDonald

(Buku Teks m.s. 91)

9 Pada tahun 1951, Sir Malcolm MacDonald telah mengadakan perbincangan dengan wakil Tanah Melayu dalam usaha pembentukan Malaysia.

Siapakah wakil Tanah Melayu tersebut?

I Dato' Onn Jaafar
II Ahli Majlis Perundangan Persekutuan
III Ahli Persatuan Kemerdekaan Negara
IV Tunku Abdul Rahman

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

(Buku Teks m.s. 91)

10 Mengapakah Sir Gerald Templer meminta usaha pembentukan Malaysia disegerakan?

A Membentuk sempadan
B Memajukan ekonomi
C Mengukuhkan politik
D Menjamin keselamatan

(Buku Teks m.s. 91)

11 Pesuruhjaya Tinggi British berikut mencadangkan penyatuan Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1960.

Sir Geofroy Tory

Mengapakah beliau mencadangkan penyatuan tersebut?

A Keperluan politik
B Keselamatan negara
C Kepentingan ekonomi
D Kekuatan ketenteraan

(Buku Teks m.s. 91)

12 Majalah berikut telah menggesa peny... raja dan orang Melayu dalam beberapa bid... sejak tahun 1906.

Apakah bidang tersebut?

I Ekonomi
II Bahasa
III Kesenian
IV Pendidikan

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

(Buku Teks m.s.

13 Maklumat berikut berkaitan dengan perjuan... nasionalis Tanah Melayu pada tahun 1938.

Penggabungan Tanah Melayu dengan Indonesia

Apakah konsep perjuangan tersebut?

A Melayu Raya
B Merdeka Raya
C Indonesia Raya
D Tanah Melayuan

(Buku Teks m.s.

14 Mengapakah idea Melayu Raya ga... dilaksanakan?

A Pendudukan tentera Jepun
B Keganasan Parti Komunis Malaya
C Ketiadaan kesepakatan antara ahli
D Pengisytiharan kemerdekaan Indonesia

(Buku Teks m.s.

15 Maklumat berikut berkaitan dengan cadang... pembentukan Malaysia.

Tahun	Peristiwa
Oktober 1955	Dalam ucapan di Persidangan Agung UMNO mencadangkan Singapura, Sarawak, Sabah dan Brunei menyertai Persekutuan Tanah Melayu.

Siapakah yang memberi ucapan tersebut?

A Dato' Onn Jaafar
B Tunku Abdul Rahman
C Ibrahim bin Haji Yaakob
D Dr. Burhanuddin al-Helmi

(Buku Teks m.s.

LIVEWORKSHEETS

16 Maklumat berikut merujuk kepada reaksi pemimpin Sabah terhadap pembentukan Malaysia.

> Berminat menggabungkan Sabah dengan Persekutuan Tanah Melayu dalam satu pertemuan dan dengan Tunku Abdul Rahman di Kuala Lumpur pada tahun 1958.

Siapakah pemimpin Sabah tersebut?
A G. S. Sundang
B Khoo Siak Chew
C Donald Stephens
D Datu Mustapha Datu Harun

(Buku Teks m.s. 92)

17 Tunku Abdul Rahman telah bertemu dengan menteri negara British untuk menyatakan minat terhadap pembentukan Malaysia pada 10 Jun 1960.
Siapakah menteri negara British tersebut?
A Lord Perth
B Sir William McKell
C Sir Ivor Jennings
D Lord Reid

(Buku Teks m.s. 92)

18 Idea pembentukan Malaysia telah dikemukakan sejak awal abad ke-19.
Mengapakah idea tersebut dipersetujui British?
A Menubuhkan kerajaan pusat
B Menyekat kedatangan imigran
C Mengurangkan kuasa Raja-raja
D Menghapuskan pengaruh komunis

(Buku Teks m.s. 93)

19 Rajah berikut menunjukkan faktor pembentukan Malaysia dari segi politik.



Apakah **X**?
A Kestabilan
B Keamanan
C Kedaulatan
D Kemerdekaan

(Buku Teks m.s. 93)

20 Mengapakah Tunku Abdul Rahman menggalakkan penyatuan antara Persekutuan Tanah Melayu dengan Singapura?
A Memberi kepentingan ekonomi
B Meningkatkan taraf hidup rakyat
C Membendung ancaman komunis
D Mengukuhkan penguasaan politik

(Buku Teks m.s. 93)

21 Tunku Abdul Rahman merasa bimbang dengan penerimaan Singapura dalam Persekutuan.
Apakah faktor kebimbangan tersebut?
A Menghakis kuasa pembesar tempatan
B Menjejaskan peranan institusi kesultanan
C Melambatkan pembangunan sosioekonomi
D Mewujudkan ketidakseimbangan penduduk

(Buku Teks m.s. 93)

22 Rajah berikut berkaitan dengan pembentukan Malaysia.



Mengapakah negeri tersebut menyokong gagasan Malaysia?
I Menamatkan ancaman komunis
II Mengukuhkan benteng pertahanan
III Mengelakkan campur tangan asing
IV Memenuhi desakan penduduk tempatan
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

(Buku Teks m.s. 93)

23 Pernyataan berikut berkaitan dengan negeri-negeri yang menyertai Persekutuan Malaysia.

> Persekutuan Malaysia yang bakal dibentuk merupakan gabungan Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sarawak, Sabah dan Brunei.
>
> **Tunku Abdul Rahman**

Apakah faedah kepada negeri-negeri tersebut apabila menyertai Persekutuan Malaysia?
A Bebas menubuhkan parti politik
B Bebas daripada ancaman politik
C Mempercepat proses kemerdekaan
D Memudahkan perpindahan penduduk

(Buku Teks m.s. 93)

LIVEWORKSHEETS

24 Pembentukan Malaysia dapat menyatukan pembangunan wilayah antara negeri-negeri yang terlibat.
Apakah kesan terhadap pembangunan wilayah tersebut?
A Menghalang kemasukan imigran
B Memecahbelahkan perpaduan kaum
C Menjimatkan perbelanjaan pengurusan
D Meningkatkan taraf hidup rakyat

(Buku Teks m.s. 93)

5.3 Reaksi Tempatan dan Negara Jiran terhadap Pembentukan Malaysia

(Buku Teks m.s. 94 – 97)

25 Parti politik Persekutuan Tanah Melayu menyokong rancangan pembentukan Malaysia. Apakah parti politik yang memberi sokongan tersebut?
A IMP
B MCA
C UMNO
D Parti Negara

(Buku Teks m.s. 95)

26 Beberapa parti politik Sarawak telah menyokong pembentukan Malaysia dari peringkat awal. Apakah parti politik tersebut?
I SNAP
II PANAS
III BERJASA
IV Parti Buruh
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

(Buku Teks m.s. 95)

27 Apakah parti politik Sarawak yang menentang rancangan pembentukan Malaysia?
A SCA
B SUPP
C PANAS
D PESAKA

(Buku Teks m.s. 95)

28 Apakah parti politik Sarawak yang menyokong penubuhan Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM)?
A SCA
B SUPP
C SNAP
D BERJASA

(Buku Teks m.s. 95)

29 Maklumat berikut merujuk kepada parti pr di Sarawak yang bergabung membentuk se pertubuhan.

Tahun	Parti
1962	PANAS, SNAP, BERJASA SCA, PESAKA

Apakah pertubuhan tersebut?
A Parti Perikatan Sarawak
B Barisan Pemuda Sarawak
C Pergerakan Melayu Sarawak
D Parti Kebangsaan Melayu Sarawak

(Buku Teks m.s.

30 Apakah kesan penubuhan Parti Perika Sarawak pada bulan Ogos 1962?
A Menamatkan pemerintahan Brooke
B Meneruskan sistem politik tradisional
C Merealisasikan pembentukan Malaysia
D Menjayakan pengasasan Persekut Borneo

(Buku Teks m.s.

31 Maklumat berikut berkaitan dengan rea terhadap rancangan pembentukan Malaysia

> Pada peringkat awal, pemimpin dan rakya Sabah merasa curiga dan bimbang denga idea pembentukan Malaysia.

Mengapakah reaksi tersebut berlaku?
I Kedudukan jarak yang jauh
II Dipengaruhi pemimpin Indonesia
III Ketidakseimbangan jumlah kaum
IV Yakin dengan pemerintahan British
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

(Buku Teks m.s. 9

32 Jadual berikut menunjukkan perkembanga parti politik di Sabah.

Tarikh	Parti Politik di Sabah
Sebelum Ogos 1961	Tiada parti politik
Ogos 1961 – 1962	UNKO, USNO, Parti Pasok Momogun, SCA

LIVEWORKSHEETS

Mengapakah berlaku perkembangan situasi politik tersebut?

A Penentangan penjajahan SBUB
B Pemberontakan Indonesia ke atas Sabah
C Penyerahan Sabah kepada kerajaan British
D Pengumuman cadangan penubuhan Malaysia

(Buku Teks m.s. 96)

33 Pada bulan Oktober 1962, Sabah Alliance telah ditubuhkan.
Apakah parti yang menyertai pertubuhan tersebut?

I Democratic Party
II Sabah Indian Congress
III Parti Kebangsaan Melayu Labuan
IV Barisan Pemuda

A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

(Buku Teks m.s. 96)

34 Apakah persamaan perjuangan pertubuhan berikut?

Negeri	Pertubuhan
Sabah	Sabah Alliance (1962)
Sarawak	Sarawak Alliance (1963)

A Menyekat pangaruh komunis
B Mengembalikan kuasa rakyat
C Menyokong gagasan Malaysia
D Menuntut kemerdekaan negeri

(Buku Teks m.s. 95 – 96)

35 Sejak awal pemimpin dan penduduk Sabah telah berhasrat mendapatkan kemerdekaan secara berasingan.
Bagaimanakah hasrat tersebut dilaksanakan?

A Penyatuan dengan kerajaan negeri Brunei
B Penubuhan Kesatuan Negeri-negeri Borneo
C Penentangan secara radikal terhadap SBUB
D Pembentukan Melayu Raya dengan Indonesia

(Buku Teks m.s. 96)

36 Pemimpin Borneo telah menubuhkan sebuah pertubuhan untuk mencabar rancangan pembentukan Malaysia.
Apakah pertubuhan tersebut?

A United Party
B Sabah Alliance
C Barisan Bersatu
D Parti Demokratik

(Buku Teks m.s. 96)

37 Rajah berikut menunjukkan parti yang menentang pembentukan Malaysia di Singapura.



Apakah X?

A People's Action Party
B Parti Buruh Singapura
C Parti Rakyat Singapura
D Parti Perpaduan Nasional

(Buku Teks m.s. 97)

38 Dialog berikut mungkin berlaku di Singapura pada sekitar tahun 1961.

Pedagang: *Saya yakin peluang pasaran semakin luas dan perindustrian juga semakin berkembang.*
Pengusaha: *Betul. Tidak rugi kita sokong.*

Mengapakah dialog tersebut berlaku?

A Proses pilihan raya
B Penggubalan perlembagaan
C Penubuhan Parti Perikatan
D Pembentukan Malaysia

(Buku Teks m.s. 97)

39 Mengapakah Barisan Sosialis Singapura menentang cadangan pembentukan Malaysia?

A Sebagai penjajahan bentuk baharu
B Cubaan ekploitasi sumber ekonomi
C Pakatan meluaskan pengaruh politik
D Perlu berkongsi kuasa antara negeri

(Buku Teks m.s. 97)

40 Rakyat Brunei pada awalnya bersetuju menyertai Malaysia dengan syarat.
Apakah syarat tersebut?

A Memperoleh kuasa imigresen
B Menjamin peluang pentadbiran
C Menerima bantuan ketenteraan
D Mencapai kemerdekaan dahulu

(Buku Teks m.s. 97)

LIVEWORKSHEETS

41 Parti Rakyat Brunei pimpinan A.M. Azahari telah menentang cadangan gagasan Malaysia. Mengapakah cadangan tersebut ditentang?

I Komunis akan meluaskan pengaruh mereka
II Kedudukan Kuala Lumpur yang agak jauh
III Brunei akan kehilangan sumber kekayaan
IV British akan menguasai sumber ekonomi

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

(Buku Teks m.s. 97)

42 Pembentukan Malaysia telah mendapat sokongan daripada pemimpin Indonesia pada peringkat awal.
Siapakah pemimpin Indonesia tersebut?

A Adam Malik
B Jeneral Suharto
C Presiden Soekarno
D Dr. Mohammad Hatta

(Buku Teks m.s. 97)

43 Presiden Macapagal dari Filipina menentang pembentukan Malaysia.
Mengapakah penentangan tersebut berlaku?

A Menuntut hak terhadap Sabah
B Mempunyai agenda politik tersendiri
C Menganggapnya satu penjajahan baru
D Menghalang pembentukan Kalimantan Utara

(Buku Teks m.s. 97)

44 Pembentukan Malaysia telah mendapat sokongan Thailand.
Apakah faktor Thailand bertindak sedemikian?

A Mengukuhkan kerjasama sosioekonomi
B Mengukuhkan keamanan Asia Tenggara
C Mengelakkan campur tangan kuasa asing
D Menyelesaikan isu pemerdagangan manusia

(Buku Teks m.s. 97)

5.4 Langkah Pembentukan Malaysia

(Buku Teks m.s. 98 – 102)

45 Usul pembentukan Malaysia telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 16 Oktober 1961.
Apakah tujuan pembentangan usul tersebut?

A Menerangkan tujuan gagasan
B Mendapat sokongan ahli dewan
C Meninjau pandangan pemimpin
D Menggubal perundangan baharu

(Buku Teks m.s. 98)

46 Pada Julai 1961, Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj mengadakan lawatan ke Sarawak dan Brunei.
Apakah tujuan lawatan tersebut?

A Merintis kerjasama pelbagai parti politik
B Meninjau pendapat penduduk tempatan
C Menerangkan rancangan pembentukan Malaysia
D Meraikan penubuhan Kerajaan Kalimantan Utara

(Buku Teks m.s. 98)

47 Maklumat berikut berkaitan langkah pembentukan Malaysia.

Tahun	Ogos 1962
Langkah	Kerajaan PTM mengatur lawatan pemimpin Sarawak dan Sabah ke PTM

Mengapakah kerajaan mengatur lawatan tersebut?

A Mengadakan kerjasama dari segi ketenteraan
B Membincangkan strategi ke arah pembentukan
C Mengeratkan hubungan antara kedua-dua pihak
D Meninjau kemajuan di Persekutuan Tanah Melayu

(Buku Teks m.s. 98)

48 Senarai berikut merujuk kepada pemimpin Persekutuan Tanah Melayu yang terlibat dalam lawatan rombongan ke Sarawak dan Sabah.

- Ghafar Baba
- Dr. Burhanuddin al-Helmi

Apakah matlamat lawatan rombongan tersebut?

I Menjelaskan tujuan rancangan pembentukan Malaysia
II Menunjukkan kesepakatan ahli politik di Tanah Melayu
III Mengatur rancangan serangan balas terhadap Indonesia
IV Meninjau perkembangan ekonomi di kawasan pendalaman

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

(Buku Teks m.s. 97)

LIVEWORKSHEETS

49 Jawatankuasa berikut ditubuhkan pada bulan 23 Julai 1961.

Jawatankuasa	Pengerusi
Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM)	Donald Stephens

Mengapakah jawatankuasa tersebut ditubuhkan?
A Merintis kerjasama parti politik
B Menyediakan kemudahan awam
C Menyediakan ruang perbincangan
D Merapatkan hubungan antara negeri

(Buku Teks m.s. 99)

50 JSKM telah bermesyuarat sebanyak 4 kali. Apakah lokasi mesyuarat tersebut?
I Miri
II Brunei
III Jesselton
IV Singapura
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

(Buku Teks m.s. 99)

51 Gambar berikut menunjukkan sebahagian ahli Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia.

Apakah sumbangan JSKM terhadap pembentukan Malaysia?
I Memberikan kefahaman kepada pemimpin tempatan
II Mengadakan lawatan untuk meninjau sokongan rakyat
III Menghantar laporan kepada kerajaan British dan PTM
IV Mendapatkan sokongan terhadap gagasan Malaysia
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

(Buku Teks m.s. 99)

52 Siapakah yang dilantik menjadi pengerusi JSKM?
A Sir Anthony Bell
B Donald Stephens
C Tunku Abdul Rahman
D Datu Mustapha Datu Harun

(Buku Teks m.s. 99)

53 Mengapakah kerajaan Persekutuan Tanah Melayu melaksanakan langkah berikut?

- Referendum Singapura
- Rundingan London
- Suruhanjaya Cobbold

A Menuntut kemerdekaan negara
B Menubuhkan gagasan Malaysia
C Menyelaras kawasan sempadan
D Membanteras ancaman komunis

(Buku Teks m.s. 100)

54 Referendum Singapura telah diadakan pada bulan Ogos 1962 hingga bulan September 1962.
Apakah tujuan referendum tersebut?
A Menyatakan bentuk pilihan menyertai Malaysia
B Memberi kefahaman kepada penduduk tempatan
C Menerima pelbagai memorandum daripada rakyat
D Mengetahui reaksi penduduk terhadap penyatuan

(Buku Teks m.s. 100)

55 Apakah kesan daripada keputusan referendum Singapura tersebut?
A Singapura meminta campur tangan PBB
B Singapura memohon tempoh rundingan
C Singapura menolak gagasan Malaysia
D Singapura telah menyertai Malaysia

(Buku Teks m.s. 100)

56 Suruhanjaya Cobbold dibentuk secara rasmi pada bulan Januari 1962.
Apakah tugas suruhanjaya tersebut?
I Membentuk struktur pentadbiran
II Merangka perlembagaan Malaysia
III Membuat lawatan ke pusat lawatan
IV Mengemukakan laporan kepada British
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

(Buku Teks m.s. 100)

57 Siapakah rakyat tempatan yang menganggotai Suruhanjaya Cobbold?
A Tan Siew Sin
B Tun Abdul Razak
C Tunku Abdul Rahman
D Muhammad Ghazali Shafie

(Buku Teks m.s. 100)

LIVEWORKSHEETS

58 Jadual berikut berkaitan dengan rundingan berhubung dengan pembentukan Malaysia.

Tahun	Rundingan
November 1961	Antara kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dengan kerajaan British di London.

Apakah kesan daripada rundingan tersebut?
A Pembentukan Suruhanjaya Cobbold
B Lawatan PBB ke Sarawak dan Sabah
C Referendum dilaksanakan di Singapura
D Penubuhan Jawatankuasa Antara Kerajaan

(Buku Teks m.s. 100)

59 Maklumat berikut berkaitan dengan langkah pembentukan Malaysia.

- Meninjau reaksi penduduk Sarawak dan Sabah
- Membuat 35 lawatan ke pusat lawatan

Apakah pihak yang melaksanakan tugas tersebut?
A Suruhanjaya Reid
B Suruhanjaya Cobbold
C Jawatankuasa Antara Kerajaan
D Jawatankuasa Perunding Perpaduan Kaum

(Buku Teks m.s. 100)

60 Suruhanjaya Cobbold menyerahkan laporan kepada kerajaan British dan Persekutuan Tanah Melayu pada bulan Jun 1962.
Apakah laporan tersebut?
I Sistem pendidikan kebangsaan akan diperkenalkan
II Kedudukan istimewa masyarakat peribumi akan dikekalkan
III Satu pertiga penduduk Sarawak dan Sabah menyokong
IV Pemberian kuasa autonomi khas kepada Sarawak dan Sabah
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

(Buku Teks m.s. 100)

61 Laporan Suruhanjaya Cobbold meliputi asas Perlembagaan Persekutuan yang baharu.
Apakah asas perlembagaan baharu tersebut?
A Perjanjian Malayan Union 1946
B Perjanjian Perlembagaan Malaysia 1963
C Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948
D Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957

(Buku Teks m.s. 100)

62 Maklumat berikut berkaitan dengan langkah pembentukan Persekutuan Malaysia.

Tahun	Langkah-langkah
November 1961	Rundingan London
Januari 1962	Suruhanjaya Cobbold
Ogos 1962	Mengadakan referendum Singapura
Ogos 1962	X

Apakah **X**?
A Jawatankuasa Antara Kerajaan
B Jawatankuasa Perpaduan Malaysia
C Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia
D Jawatankuasa Perundingan Antara Kaum

(Buku Teks m.s. 102)

63 Apakah peranan Jawatankuasa Antara Kerajaan?
A Mengadakan misi rundingan
B Menghalang serangan Indonesia
C Menerangkan penubuhan Malaysia
D Menyediakan rangka perlembagaan

(Buku Teks m.s. 102)

64 Apakah sumbangan tokoh berikut terhadap Jawatankuasa Antara Kerajaan?

Lord Lansdowne, Menteri Tanah Jajahan

A Pengerusi
B Timbalan Pengerusi
C Penasihat Undang-Undang
D Ketua Setiausaha

(Buku Teks m.s. 102)

65 Jawatankuasa Antara Kerajaan mempunyai lima jawatankuasa kecil.
Antara berikut, manakah jawatankuasa kecil tersebut?
I Kewangan
II Pendidikan
III Hubungan luar
IV Organisasi Jabatan
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

(Buku Teks m.s. 102)

LIVEWORKSHEETS

66 Maklumat berikut merujuk kepada mesyuarat pertama Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK).

Tahun	Tempat Mesyuarat
30 Ogos 1962	Sabah

Apakah lokasi mesyuarat tersebut?
A Tawau
B Jesselton
C Sandakan
D Lahad Datu

(Buku Teks m.s. 102)

67 Senarai berikut berkaitan dengan usul Jawatankuasa Antara Kerajaan yang dimasukkan ke dalam Perlembagaan Persekutuan.

- 18 perkara bagi Sarawak
- 20 perkara bagi Sabah

Apakah kepentingan perkara tersebut terhadap Sarawak dan Sabah?
A Menjamin hak rakyat
B Menyekat pengaruh asing
C Memperoleh petempatan baru
D Mempercepatkan kemerdekaan

(Buku Teks m.s. 102)

68 Manakah merupakan teras utama yang akan dimasukkan dalam Perlembagaan Malaysia?
A Pembahagian kuasa yang setara antara Kerajaan Negeri
B Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi Persekutuan Malaysia
C Pengamalan sistem pemerintahan berdasarkan Westminster
D Agama Islam sebagai agama rasmi di Sarawak dan Sabah

(Buku Teks m.s. 102)

69 Apakah aspek utama yang dibincangkan dalam Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK)?
A Pembentukan ke arah kerjasama pelbagai parti politik
B Penyelesaian pertikaian antara Malaysia dan Indonesia
C Menghalang Singapura dan Brunei keluar dari Malaysia
D Jaminan hak dan kepentingan rakyat Sarawak dan Sabah

(Buku Teks m.s. 102)

70 Apakah perkara yang menjadi teras utama dalam Perlembagaan Malaysia?
A Pembatalan pemberian warganegara secara prinsip jus soli
B Penggunaan warna putih dan merah dalam bendera Malaysia
C Bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi di Sarawak dan Sabah
D Akta Tanah Simpanan Melayu dikuatkuasakan di semua negeri

(Buku Teks m.s. 102)

71 Bagaimanakah sistem pendidikan Sarawak dan Sabah mengikut teras Perlembagaan Malaysia?
A Dikuasai oleh Kerajaan Pusat
B Dikawal oleh Kerajaan Negeri
C Dipinda kepada Ketua Menteri
D Ditubuhkan Jabatan Pendidikan

(Buku Teks m.s. 102)

72 Jadual berikut berkaitan dengan pembahagian kerusi dalam Parlimen Malaysia yang perlu dimasukkan ke dalam Perlembagaan Malaysia.

Negeri	Jumlah Kerusi
Sarawak	24
Sabah	16
X	15

Apakah X?
A Brunei
B Indonesia
C Singapura
D Kuala Lumpur

(Buku Teks m.s. 102)

73 Apakah kuasa autonomi yang diperoleh Sarawak dan Sabah mengikut peruntukan Perlembagaan Persekutuan?
A Pertahanan
B Hal ehwal luar negara
C Kebajikan sosial
D Imigresen

(Buku Teks m.s. 102)

5.5 Perjanjian Julai 1963 dan Peristiwa Pengisytiharan Malaysia

(Buku Teks m.s. 103 – 105)

74 Perjanjian Julai 1963 telah ditandatangani pada 9 Julai 1963.
Di manakah perjanjian tersebut ditandatangani?
A Sabah
B London
C Singapura
D New York

(Buku Teks m.s. 103)

LIVEWORKSHEETS

75 Kerajaan berikut telah menandatangani sebuah perjanjian pada 9 Julai 1963.

- British
- Sabah
- Sarawak
- Singapura
- Persekutuan Tanah Melayu

Apakah perjanjian tersebut?

A Perjanjian Malaysia
B Perjanjian Persekutuan
C Perjanjian Melayu Raya
D Perjanjian Kemerdekaan

(Buku Teks m.s. 103)

76 Kandungan Perjanjian Julai 1963 adalah berdasarkan teras utama yang dibincangkan dalam sebuah jawatankuasa.
Apakah jawatankuasa tersebut?

A Jawatankuasa Kerja
B Jawatankuasa Antara Kerajaan
C Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia
D Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum

(Buku Teks m.s. 103)

77 Bagaimanakah prinsip utama Perjanjian Malaysia?

A Mengutamakan kedudukan penduduk peribumi
B Mewujudkan integrasi nasional antara penduduk
C Mengambil kira persekitaran sosioekonomi negeri
D Mengiktiraf hak yang sama pada semua negeri

(Buku Teks m.s. 103)

78 Apakah inti pati utama dalam Perjanjian Malaysia?

I Tarikh pembentukan Malaysia adalah pada 13 September 1963
II Pentadbiran Malaysia akan dikawal oleh Yang di-Pertuan Agong
III Kerajaan British akan mengiktiraf kedaulatan Sarawak dan Sabah
IV Memperuntukkan tempoh masa peralihan kepada Sarawak dan Sabah

A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

(Buku Teks m.s. 103)

79 Apakah kelebihan kuasa yang diberi kepada Sarawak dan Sabah mengikut peruntukan Perlembagaan Malaysia?

A Membina pusat pertahanan
B Menentukan hubungan luar
C Menubuhkan kabinet negeri
D Meluluskan belanjawan negeri

(Buku Teks m.s. 103)

80 Bahasa Melayu telah diluluskan menjadi bahasa rasmi di Sabah pada tahun 1971.
Apakah kuasa yang memberi kelulusan tersebut?

A Ketua Menteri
B Menteri Pelajaran
C Yang di-Pertua Negeri
D Dewan Undangan Negeri

(Buku Teks m.s. 103)

81 Indonesia telah menghantar bantahan rasmi terhadap pembentukan Malaysia.
Bagaimanakah bantahan tersebut dilakukan?

A Menghantar utusan kepada agensi kerajaan di seluruh dunia
B Menghantar bantahan ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
C Meminta bantuan ketenteraan daripada negara-negara serantau
D Menyekat kerjasama dengan kerajaan Persekutuan Tanah Melayu

(Buku Teks m.s. 104)

82 Jawatankuasa berikut ditubuhkan di peringkat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 12 Ogos 1963.

United Nations Malaysia Mission (UNMM)

Siapakah yang mengumumkan penubuhan jawatankuasa tersebut?

A U Thant
B Lord Cobbold
C Duncam Sandys
D Sir Anthony Abell

(Buku Teks m.s. 104)

83 Mengapakah United Nation Malaysia Mission (UNMM) ditubuhkan?

A Mengkaji isu tuntutan
B Menerima memorandum
C Menggubal undang-undang
D Menilai dan membuat laporan

(Buku Teks m.s. 104)

LIVEWORKSHEETS

84 Mengapakah Laurence Michelmore, duta Amerika Syarikat di PPB mengetuai rombongan ke Sarawak dan Sabah?

A Menerangkan sekali lagi pembentukan Malaysia

B Memberi kemerdekaan kepada Sarawak dan Sabah

C Meninjau sekali lagi pendapat rakyat Sarawak dan Sabah

D Memujuk penduduk Sarawak dan Sabah menyertai Malaysia

(Buku Teks m.s. 104)

85 Rajah berikut menunjukkan perubahan tarikh pembentukan Malaysia.



Mengapakah terjadi perubahan tersebut?

A Bantahan daripada rakyat Brunei

B Laporan PBB tidak dapat disiapkan

C Tuntuan 20 Perkara ditolak kerajaan

D Kabinet Menteri lambat bermesyuarat

(Buku Teks m.s. 104)

86 Istiadat pengisytiharan Malaysia telah dijalankan serentak pada 16 September 1963. Apakah tempat pengisytiharan tersebut?

I Brunei
II Singapura
III Kuala Lumpur
IV Sarawak

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

(Buku Teks m.s. 104)

87 Gambar menunjukkan Yang di-Pertuan Agong sedang membaca pengisytiharan Malaysia.

Apakah lokasi peristiwa tersebut berlaku?

A Istana Negara

B Stadium Merdeka

C Dataran Pahlawan

D Padang Kelab Selangor

(Buku Teks m.s. 104)

88 Pengisytiharan Malaysia di Sarawak dibaca oleh wakil Kerajaan Persekutuan di Kuching, Sarawak.
Siapakah wakil Malaysia tersebut?

A Khir Johari

B Tun Abdul Razak

C Tunku Abdul Rahman

D Muhammad Ghazali Shafie

(Buku Teks m.s. 104)

89 Mengapakah Sarawak mengisytiharkan cuti umum pada setiap 22 Julai?

A Hari Malaysia
B Hari Keputeraan
C Perayaan Gawai
D Hari Sarawak

(Buku Teks m.s. 104)

90 Apakah jawatan Datu Mustapha Datu Harun selepas pembentukan Malaysia?

A Ketua Menteri

B Ketua Setiausaha

C Ahli Kabinet Negeri

D Yang di-Pertua Negeri

(Buku Teks m.s. 105)

5.6 Konfrontasi dan Usaha Menangani

(Buku Teks m.s. 106 – 109)

91 Peristiwa berikut berkaitan dengan hubungan Malaysia dengan Indonesia.



Apakah yang berlaku kesan daripada peristiwa tersebut?

A Serangan balas dilakukan oleh PBB

B Peralihan kuasa berlaku di Indonesia

C Pengisytiharan pembentukan Malaysia

D Konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia

(Buku Teks m.s. 106)

LIVEWORKSHEETS

92 Apakah faktor Partai Komunis Indonesia (PKI) menentang gagasan Malaysia?
A Satu bentuk neokolonialisme
B Sebahagian milik Kesultanan Sulu
C Sumber ekonomi akan dieksploitasi
D Semangat nasionalisme yang tinggi
(Buku Teks m.s. 106)

93 Mengapakah Indonesia melancarkan konfrontasi terhadap Malaysia?
A Menggalakkan ancaman komunis
B Mengancam kedudukan Indonesia
C Mengurangkan kuasa politik Melayu
D Menggagalkan gagasan Melayu Raya
(Buku Teks m.s. 106)

94 Apakah maksud konsep neokolonialisme?
A Perluasan pengaruh politik
B Sistem pemerintahan beraja
C Pemberian berkerajaan sendiri
D Rakyat mempunyai kedaulatan
(Buku Teks m.s. 106)

95 Konsep berikut dilaksanakan oleh Indonesia untuk menentang gagasan Malaysia.

Ganyang Malaysia

Bagaimanakah penentangan tersebut dilaksanakan?
I Menjalin kerjasama dengan tentera Komanwel
II Melancarkan serangan gerila di Sarawak
III Melakukan pendaratan tentera di Johor
IV Membuat bantahan bertulis kepada Persekutuan Tanah Melayu
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
(Buku Teks m.s. 106)

96 Tentera Indonesia telah melakukan serangan di Johor, Sabah dan Sarawak dalam dasar konfrontasi.
Bagaimanakah tindakan Malaysia menangani isu serangan tersebut?
A Melaksanakan sekatan ekonomi
B Menuntut campur tangan Brunei
C Mengadakan rundingan damai
D Membuat aduan kepada PBB
(Buku Teks m.s. 107)

97 Bagaimanakah Kementerian Luar Negeri menamatkan konfrontasi Indonesia?
I Mematahkan kempen propaganda
II Mendapatkan sokongan negara luar
III Membatalkan perjanjian persahabatan
IV Meminta bantuan ketenteraan dari ASEAN
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
(Buku Teks m.s. 108)

98 Maklumat berikut merujuk kepada langkah menamatkan konfrontasi Indonesia.

Tahun	Peristiwa
1963	Tunku Abdul Rahman menerima undangan Presiden Soekarno untuk bertemu di Tokyo.

Apakah tindakan Tunku Abdul Rahman semasa penemuan tersebut?
A Menerangkan tujuan pembentukan Malaysia
B Menandatangani perjanjian gencatan senjata
C Menuntut ganti rugi daripada kerajaan Indonesia
D Memutuskan hubungan diplomatik dengan Indonesia
(Buku Teks m.s. 108)

99 Maklumat berikut merujuk kepada peristiwa yang berlaku di Indonesia.

Tarikh	Peristiwa
30 September 1965	Jeneral Suharto menjadi Presiden Indonesia.

Apakah kesan peristiwa tersebut?
A Dasar konfrontasi tamat
B Pengaruh komunis kukuh
C Pertumbuhan ekonomi terjejas
D Pemerintahan republik dibentuk
(Buku Teks m.s. 109)

100 Pembentukan Malaysia berjaya ditubuhkan walau pun melalui pelbagai rintangan.
Apakah nilai yang dapat dipelajari melalui kejayaan tersebut?
A Kejujuran
B Ketekunan
C Keberanian
D Kesepakatan
(Buku Teks m.s. 109)

LIVEWORKSHEETS